

Newspaper	Berita Harian
Date	5 October 2015

# PM nafi berjumpa Netanyahu di PBB

BH - 5/10/2015

**Milan:** Datuk Seri Najib Razak menafikan dakwaan kononnya beliau mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, ketika Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, beliau sebenarnya bertemu dengan pemimpin itu di sebuah pintu di ibu pejabat PBB selepas Netanyahu selesai berucap dan beliau pula selepas itu.

"Bukan saya jumpa... terserempak dekat pintu masuk ke PBB sebab dia berucap sebe-

**“  
Bukan saya  
jumpa...  
terserempak  
dekat pintu  
masuk ke PBB  
sebab dia berucap  
sebelum saya.  
Lepas tu saya  
berucap”**

**Najib Razak,  
Perdana Menteri**

lum saya. Lepas tu saya berucap," beliau berkata demikian bagi menjawab soalan mengenai gambar beliau yang dikatakan bertemu dengan Netanyahu yang disebarkan di laman sosial.

Beliau berkata demikian pada akhir lawatan keja ke Itah tiga hari.

## **Bahaya media sosial**

Beliau berkata, pada masa itu pemimpin itu menunggu ketertanya.

"Jadi dia salam dengan saya, saya salam dengan dialah. Bukan ada apa-apa, bukan pertemuan. Terserempak secara

kebetulan sahaja. Ini boleh disahkan oleh Menteri Luar dan wakil duta di Amerika Syarikat dan Wakil Tetap Malaysia di PBB," katanya.

Najib berkata jika beliau mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Israel itu tentulah ia dalam keadaan yang lebih formal.

Behau berkata, orang ramai dapat membezakan perkara yang benar dan sebaliknya.

"Apa-apa boleh menjadi viral. Apabila anda viral, mereka memberi gambaran salah mengenai kebenaran. Ini adalah bahaya media sosial," katanya.

**BERNAMA-**